

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JTW 103 – Undang-Undang Perniagaan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

**SOALAN 1 [20 markah]**

Ieja telah bekerja sebagai pramugari bersama *Penerbangan XYZ Bhd (XYZ)* semenjak Januari 2013. Pada September 2015, *XYZ* telah dimansuhkan dan di namakan sebagai *XYB Berhad (XYB)* dan pada bulan yang sama *XYB* telah memberikan surat tawaran pekerjaan kepada bekas-bekas pekerja *XYZ* untuk di ambil bekerja di bawah *XYB*. Dalam surat tawaran itu dinyatakan bahawa bekas pekerja *XYZ* dikehendaki menyatakan persetujuan mereka dalam masa 14 hari dari tarikh 1 September 2015. Jika tidak pekerjaan mereka bersama *XYB* akan dianggap terbatal dengan sendirinya.

Ieja tidak mempunyai masa untuk mengembalikan surat tersebut kepada Jabatan Sumber Manusia (JSM) kerana perlu bergegas untuk bertugas bersama krew kabin yang lain ke destinasi di Eropah. Apabila masuknya hari ke 15, beliau membuat semakan jadual tugas dan terkejut yang namanya tiada lagi dalam senarai jadual. Beliau selanjutnya menyemak dengan JSM dan mendapati yang namanya tiada dalam senarai pekerja kerana mereka berpendapat yang Ieja tidak bersetuju dengan penawaran pekerjaan bersama *XYB*.

- (a) Nyatakan bentuk tindakan yang di buat oleh *XYB* kepada bekas pekerja *XYZ* secara amnya dan kepada Ieja secara khususnya. Berikan contoh kes. (10 markah)
- (b) Kepada siapa tindakan ini boleh dibuat? (5 markah)
- (c) Terangkan maksud penerimaan. (5 markah)

**SOALAN 2 [20 markah]**

- (a) Huraikan prinsip *Nemo dat quod non habet* dengan menyertakan **DUA (2)** kes yang berkaitan. (10 markah)
- (b) Senaraikan dan jelaskan pengecualian kepada prinsip *Nemo dat quod non habet*. (10 markah)

**SOALAN 3 [20 markah]**

Encik Hamid dan Puan Zakiah adalah pasangan suami isteri yang mempunyai seorang anak yang bernama Zuraina. Zuraina mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Encik Hamid mahu anaknya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Ireland manakala Puan Zakiah tidak bersetuju. Beliau mahu Zuraina meneruskan pengajian di dalam negeri kerana tidak mahu berpisah jauh dengan anaknya. Mereka berselisih faham dan akhirnya Encik Hamid membuat perjanjian dengan Puan Zakiah bahawa dia akan membawa Puan Zakiah melawat Zuraina 2 kali setahun iaitu sekali bagi setiap 6 bulan. Masuk tahun ketiga Zuraina di Ireland, Encik Hamid memungkir janji. Puan Zakiah menuntut agar Encik Hamid membawanya ke Ireland sepertimana yang dijanjikan sebelum ini.

- (a) Apakah status perjanjian ini? Bincangkan dengan memberi contoh kes dan seksyen berkaitan niat.

(10 markah)

- (b) Terangkan maksud keupayaan untuk berkontrak mengikut Seksyen 11 Akta Kontrak 1950. Sertakan **DUA (2)** contoh kes bagi keupayaan untuk berkontrak ini.

(10 markah)

**SOALAN 4 [20 markah]**

- (a) Terangkan perbezaan antara yang berikut:-

(i) Undang-undang awam dan undang-undang persendirian. (5 markah)

(ii) Mahkamah rayuan dan mahkamah tinggi. (5 markah)

(iii) Cadangan dan penerimaan. (5 markah)

- (b) Huraikan sumber undang-undang **tidak bertulis** yang diamalkan di Malaysia.

(5 markah)

**SOALAN 5 [20 markah]**

(a) Berikan takrifan sewa beli mengikut Akta Sewa Beli 1967 serta kesan perjanjian sewa beli terhadap hakmilik seperti yang dinyatakan dalam kes Credit Corporation (M) Berhad lwn Malaysian Industrial Corp. & Ors [1967] 1 MLJ 83.

(15 markah)

(b) Terangkan skop undang-undang sewa beli.

(5 markah)